

# Bapa hadapi empat tuduhan rogol anak

KOTA BHARU 23 Jun - Seorang lelaki berusia 59 tahun dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas empat tuduhan merogol anak kandungnya di rumah mereka di Pintu Gang dekat sini.

Lelaki yang bekerja sebagai buruh itu mengaku tidak bersalah ketika pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Wan Fazilah Nor.

Mengikut pertuduhan pertama, lelaki terbabit didakwa merogol anak kandungnya yang berusia 13 tahun pada tengah malam 8 Jun lalu di rumahnya.

Bagi pertuduhan kedua sehingga keempat, dia mengulangi perbuatan tersebut pada masa dan tempat yang sama pada hari berikutnya sehingga 11 Jun lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga 30 tahun dan sebat tidak kurang dari 10 sebatan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Cheah Poh Loon dan Anis Naziha Che Abdul Rahim, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Poh Loon memohon supaya mahkamah tidak membenarkan tertuduh diberi jaminan kerana ia akan mengganggu mangsa yang tinggal di rumah sama.

"Pihak pendakwaan bimbang tertuduh akan memberikan tekanan kepada mangsa dan keluarga sekiranya dibebaskan dengan jaminan kerana mangsa adalah anak kandungnya sendiri," katanya.

Mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan kes disebut semula pada 27 Julai depan.